

LAPORAN AKHIR LAJUAN INDUSTRI DI
KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH SARAWAK

OLEH

DESMOND DELLY ANAK EMPLUT

Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Lajuan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

13341

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

1100045430

LI 12 FPE I 2005



1100045430

Laporan akhir latihan industri di Kementerian Kemajuan Tanah
Sarawak / Desmo Delly Anak Empilut.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045430		

Lihat sebelah

**HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM**

LT
12
FPE
I
2005

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH SARAWAK

Oleh

DESMOND DELLY ANAK EMPILUT
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

i.

1100045430

Appendix E

Surat Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Desmond Delly Anak Empilut (UK 8492) mengaku bahawa Laporan Industri bagi kursus Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial (SOS 4299) adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Desmond Delly Anak Empilut

No. Matrik : UK 8492

Tarikh : 2005

Disahkan Oleh :



Cik Nor Hayati Sa'at

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

Penghargaan

Syukur kepada Tuhan dengan limpah kurnia dan keizinanNya saya dapat menjalankan latihan industri dalam keadaan yang selamat dan berjaya menamatkannya pada masa yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Ekologi Sosial kerana telah menawarkan latihan industri kepada pelajar Polisi dan Sekitaran Sosial. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Cik Nor Hayati Sa'at selaku penyelaras Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial di atas perancangan beliau dalam menguruskan program latihan industri 2005 bagi pelajar Polisi dan Sekitaran Sosial di bawah Jabatan Ekologi Sosial.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan sekali lagi kepada Cik Nor Hayati Sa'at selaku penyelia KUSTEM yang telah menyelia saya serta memberi panduan dan tunjuk ajar kepada saya untuk menjalani latihan industri dengan jayanya. Juga ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Puan Asmawati Ngah selaku urusetia Program Polisi dan Sekitaran Sosial yang telah banyak berkorban masa untuk menguruskan segala urusan surat menyurat serta mengesahkan tempat bagi saya menjalani latihan industri di Sarawak.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia industri di Kementerian Kemajuan Tanah Sarawak, Encik Ranum Bari kerana telah menerima saya menjalani latihan industri di Kementerian Kemajuan Tanah. Segala tunjuk ajar dan pengalaman

yang telah dipelajari daripada beliau akan saya gunakan dengan sebaik-baiknya. Ribuan terima kasih juga kepada Encik Hamsein Atar selaku penyelia industri kedua saya yang telah banyak memberikan peluang kepada saya untuk menjadi seorang pentadbir yang sebenar semasa di Pusat Sumber Pembangunan Desa, Betong. Terima kasih saya ucapkan juga kepada Encik Wee Soon Hee dan Encik Micheal Lee kerana telah banyak mengajar saya dan menjaga kebijakan saya semasa menjalani latihan industri di Kementerian. Juga kepada staf-staf yang lain, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan dan tunjuk ajar yang telah kalian curahkan kepada saya.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada abang saya Encik Donny Saimon Anak Empilut kerana telah menjaga makan minum dan penginapan serta memberi wang saku kepada saya untuk menjalani latihan industri. Juga terima kasih saya ucapkan kepada keluarga saya dan Margaret Anak Daud kerana telah memberikan galakan dan semangat kepada saya untuk terus berusaha sehingga berjaya.

Akhir sekali, saya ingin menghulur sepuluh jari dan memohon maaf kepada semua pihak terutama sekali di Kementerian Kemajuan Tanah sekiranya terdapat kesilapan dan terkasar bahasa semasa saya menjalani latihan industri.

Jasa dan pengorbanan kalian amat saya hargai, pengalaman yang saya perolehi adalah hasil daripada bantuan tuan-puan semua. Sekian terima kasih.

Isi kandungan

Pengesahan Laporan	ii
Penghargaan	iv
Senarai Singkatan	vii
Ringkasan Eksekutif	ix
BAB 1 Latar Belakang Organisasi	
1.0 Pengenalan	2
1.1 Sejarah Penubuhan Kementerian Kemajuan Tanah	3
1.2 Fungsi, Peranan dan Tanggungjawab Kementerian	4
1.3 Akta di Bawah Bidangkuasa	5
1.4 Dasar dan Halatuju	6
1.5 Objektif Organisasi	6
1.6 Visi	6
1.7 Misi	7
1.8 Slogan Kementerian Kemajuan Tanah Sarawak.	7
1.9 Piagam pelanggan	9
1.10 Maklumat Organisasi	10
1.11 Struktur Organisasi	10
1.11.1 Bahagian/Seksyen Pembangunan Tanah Hak Adat Bumiputra (NCR)	13
1.11.2 Tanah Hak Adat Bumiputra (HAB)	14
1.11.3 Struktur Ekuiti JVC	15
1.11.4 Ciri-Ciri Utama Model Usahasama	16
1.11.5 Tatacara Model Usahasama Pembangunan Tanah HAB	16
1.11.6 Proses Permohonan dan Pelaksanaan Pembangunan Tanah HAB	17
1.11.7 Penubuhan ‘Bank Tanah’ tidak kurang daripada 5,000 hektar	18
1.11.8 Peringkat 1 – Tinjauan	18
1.11.9 Peringkat II - Taklimat Khas	19
1.11.10 Peringkat III – Tanggungjawab ADC	19
1.11.11 Peringkat IV – Pendaftaran Tuntutan Tanah HAB	20
1.11.12 Peringkat V – Pengesahan Tuntutan Tanah HAB	20
1.11.13 Peringkat VI – Pengukuran Piket	21

1.11.14 Peringkat VII – Surat Ikatan	22
1.11.15 Hak terhadap tanah selepas tamat tempoh 60 tahun	23
1.11.16 Faedah Kepada pemilik tanah	25
1.11.17 Pekerjaan diceburi usahawan luar bandar dalam sektor kelapa sawit	26
1.11.18 Kejayaan Projek-Projek Pembangunan Tanah Hak Adat	27
1.12 Seksyen Hal Ehwal Perladangan	31
1.13 Seksyen Pusat Pertumbuhan Desa (RGC)	35
1.14 Seksyen Pentadbiran Sumber manusia dan Kewangan	38
1.15 Objektif Latihan Industri	40
1.16 Kemahiran dan pengalaman yang telah dipelajar	44
BAB 2 Pengenalkan masalah	
2.1 Sistem buku rekod	48
2.2 Sistem SIFBAS	50
2.3. Sistem Pengurusan Fail/Sistem REACTS	53
2.4. Sistem Inventori	56
2.5. Sistem Modular	60
2.6 Sistem Kualiti	62
2.7 Cadangan untuk Organisasi	64
2.8 Cadangan untuk Latihan Industri	65
2.9 Analisis SWOT	73
BAB 3 Kesimpulan	76
Bibliografi	77
Lampiran	91

Senarai Singkatan

KUSTEM	: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
FPE	: Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
LI	: Latihan Industri
KKT	: Kementerian Kemajuan Tanah
NCR	: Native Customary Right
RGC	: Rural Growth Centre
SLDB	: Sarawak Land Development Board
LKTS	: Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak
DID	: Jabatan Pengairan dan Saliran
SALCRA	: Lembaga Penyatuan dan Pemulihian Tanah Sarawak
FELDA	: Federal Land Development Authority
PSPD	: Pusat Sumber Pembangunan Desa
KEMAS	: Kemajuan Masyarakat
HAB	: Hak Adat Bumiputra
IADP	: Integrated Agricultural Development Programme
JVC	: Penubuhan Syarikat Usahasama
ADC	: Jawatankuasa Pembangunan Kawasan
MOC	: Memorandum of Consent
JKKK	: Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung
KPLB	: Kementerian Pembangunan Luar Bandar
GDW	: Gerakan Desa Wawasan
DEB	: Dasar Ekonomi Baru
DPN	: Dasar Pembangunan Nasional
DWN	: Dasar Wawasan Negara
SEDC	: Sarawak Economic Development Corporation
AZAM	: Angkatan Zaman Mansang
LCDA@PELITA	: Land Custody and Development Authority

Ringkasan Eksekutif

Program Latihan industri (LI) merupakan satu latihan atau pendedahan yang diatur dan dikendalikan oleh pihak Universiti kepada pelajar untuk merasai persekitaran kerja yang sebenar di samping menimba pengalaman dan mempratikkan apa yang telah dipelajari di Universiti. LI adalah satu program atau kursus wajib iaitu SOS 4299 yang perlu dipenuhi atau diambil oleh setiap pelajar Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. LI ini diadakan pada cuti semester empat yang dijalani selama lebih kurang 12 minggu bermula 21 Mac hingga 10 Jun 2005 di agensi yang telah dipilih oleh pelajar setelah dipersetujui oleh Penyelia KUSTEM.

Selama menjalani Latihan Industri, pelatih perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) dan pihak tempat menjalani latihan industri iaitu di Kementerian Kemajuan Tanah Sarawak. Kementerian Kemajuan Tanah Sarawak (KKT) adalah sebuah organisasi kerajaan yang sesuai untuk pelatih program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial bagi mendapatkan pengalaman, menimba ilmu pengetahuan dan pendedahan persekitaran kerja serenar. LI yang dijalankan di Kementerian Kemajuan Tanah memberi pengetahuan yang sangat berguna kepada pelatih. Ini kerana Kementerian ini mempunyai dasar yang ingin dicapai dan sebagai sebuah Kementerian yang bertindak sebagai pelaksana dasar dalam membantu meningkatkan taraf hidup rakyat. Bahagian-bahagian yang terdapat di dalam Kementerian ini sangat berkait rapat dengan Program Polisi dan Sekitaran sebagai pentadbir sesuatu polisi.

Sepanjang menjalani Latihan Industri di KKT, pelatih telah ditempatkan di tiga bahagian/Seksyen daripada empat bahagian/Seksyen pentadbiran yang terdapat di Kementerian Kemajuan Tanah Sarawak. Bahagian-bahagian tersebut ialah, Bahagian Sumber Manusia dan Kewangan, Bahagian Pusat Pembangunan Desa (RGC) dan Bahagian Pembangunan Tanah Hak Adat Bumiputra (NCR). Satu lagi bahagian yang tidak sempat dipelajari oleh pelatih kerana tempoh masa Latihan Industri yang terhad ialah Bahagian Hal Ehwal Sektor Perladangan. Pelatih telah diberi penerangan yang jelas ke semua fungsi empat bahagian ini. Tugas-tugas yang diberikan oleh tiga bahagian yang dijalani oleh pelatih telah disiapkan dengan sempurna dan pengalaman berharga yang diperolehi daripada setiap bahagian akan dijadikan panduan dan pengetahuan kepada pelatih sebagai persediaan menuju ke alam pekerjaan yang sebenar apabila telah bergraduat nanti.

Hasil daripada Latihan Industri di Kementerian Kemajuan Tanah telah membolehkan pelatih mempunyai pengalaman dalam menganalisis masalah yang wujud di Kementerian. Cadangan-cadangan penyelesaian yang difikirkan relevan telah dikemukakan oleh pelatih pada bab dua dan diharap cadangan ini dapat digunakan atau dijadikan panduan oleh pegawai-pegawai di Kementerian Kemajuan Tanah bagi memperbaiki sistem yang sedia ada.

Semoga cadangan yang dikemukakan ini diharapkan dapat meningkatkan kecemerlangan dan peningkatan produktiviti perkhidmatan di Kementerian Kemajuan Tanah.